

MS 13 BH 19 Mei 2006

UiTM tawar 14,000 tempat khusus untuk lulusan SPM

Institut Pengajian Tinggi Awam paling ramai ambil lepasan tingkatan lima

Oleh Syuhada Choo Abdullah

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan jumlah kemasukan terbesar, 14,000 tempat untuk pengambilan lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada sesi akademik 2006/2007.

Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata pengambilan pelajar baru itu adalah untuk kemasukan lima program pengajian prajajazah, diploma (67) dan pradiploma (dua).

Beliau berkata, lima program prajajazah yang ditawarkan adalah dalam bidang Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Undang-undang, Sains, Farmasi dan Kejuruteraan.

"Program ini memang menjadi tumpuan majoriti calon tetapi peluang kemasukannya hanya terbuka

kepada mereka yang memperoleh sekurang-kurang 5A dalam keputusan SPM (kecuali Praijazah TESL).

"Selepas tempoh pengajian selama setahun, sebagai contoh, pelajar program Praijazah Sains yang memenuhi syarat kelayakan boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dalam bidang Perubatan, Pergigian, Sains dan Teknologi, Farmasi serta Teknologi Maklumat," katanya kepada Berita Harian.

Calon boleh menyemak keputusan permohonan mereka untuk memasuki program asasi sains, diploma dan yang setaraf untuk lulusan SPM ke IPTA seluruh negara, sejak 11 Mei lalu.

Menurut laporan akhbar sebelum ini, seramai 26,693 lulusan SPM atau setaraf terpilih melanjutkan pelajaran ke IPTA pada sesi 2006/2007, meningkat 29.1 peratus berbanding tahun lalu.

Selain UiTM, program diploma tu-

rut ditawarkan Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem), Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (Kukum), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) serta Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)

Manakala program persediaan seperti matrikulasi dan asasi pula ditawarkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), UiTM, Universiti Malaya (UM), UPM dan Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim).

Ibrahim berkata, calon juga boleh menyemak keputusan permohonan mereka memasuki UiTM melalui laman web universiti itu: www.uitm.edu.my/intake.

Beliau berkata, calon berjaya akan mendaftar untuk mengikuti penga-

jian prajajazah di kampus induk Shah Alam pada 1 dan 2 Julai, manakala program diploma dan pradiploma di 13 kampus cawangan seluruh negara pula, 2 Julai ini.

Justeru mulai sesi ini, katanya, pelajar baru pengajian Diploma Komunikasi Massa akan ditempatkan di kampus cawangan Melaka, bukan lagi kampus induk Shah Alam.

Dalam konteks berkaitan, beliau berkata, surat tawaran kemasukan

ke UiTM yang dicetak melalui laman web boleh diguna pakai bagi tujuan pendaftaran.

"Bagi calon berjaya, pengesahan penerimaan tawaran kemasukan hendaklah dibuat pada menu disediakan sebelum 23 Jun ini.

"Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran kemasukan ke UiTM terbatal kerana dianggap calon terbabit tidak menerima atau berminat," katanya.

Sementara itu, calon yang gagal mendapat sebarang tawaran ke IPTA boleh mengemukakan permohonan e-Rayuan melalui laman web: www.mohe.gov.my sehingga 25 Mei ini.

Calon terbabit hanya boleh mengemukakan permohonan e-Rayuan sekali saja dan sekiranya tidak menerima sebarang tawaran selepas tiga minggu pendaftaran pelajar baru di IPTA, ia hendaklah dianggap gagal.

FAKTA NOMBOR

26,693
Pengambilan IPTA

74
Jumlah program pengajian